

Universiti bebas ambil pelajar berdasarkan garis panduan akreditasi

MMC tidak hadkkan pelajar

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 2 Sept. - Majlis Perubatan Malaysia (MMC) hari ini menegaskan pihaknya tidak pernah menggarahkan mana-mana institusi pengajian tinggi awam menghadkan jumlah kemasukan bilangan pelajar dalam bidang perubatan.

Presidennya, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah (**gambar**) berkata, setiap universiti diberi kebebasan menentukan jumlah pelajar berdasarkan garis-panduan akreditasi dan kuota yang ditentukan oleh universiti masing-masing.

Beliau berkata, kuota kemasukan bilangan pelajar perubahan ke universiti ditentukan berdasarkan kepupayaan sesebuah universiti dalam pencapaian akreditasi mereka untuk menjalankan program perubahan.

“Sehubungan itu, isu pengembalian atau tawaran yang berlebihan



DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
Presiden Majlis Perubatan Malaysia

dalam kalangan pelajar perubahan adalah tidak timbul. Apa yang penting universiti awam mesti mematuhi kehendak kuota dan akreditasi yang ditetapkan.

“Bagi kami isu utama yang perlu difikirkan adalah memastikan kualiti setiap graduan perubahan supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan yang menjamin ke-



Bagi kami isu utama yang perlu difikirkan adalah

memastikan kualiti setiap graduan perubahan supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan yang menjamin keselamatan pesakit

selamatan pesakit,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Menteri Pendidikan II, P. Kamban dalam sebuah akhbar berbahasa Inggeris baru-baru ini yang memaklumkan bahawa MMC memohon supaya pengambilan bilangan pelajar perubahan dihadkan bagi mengelakkan berlakunya lam-

bakan doktor dan pegawai perubatan di hospital tempatan.

Kamalanathan dilaporkan berkata, hanya 418 tempat ditawarkan kepada pelajar ijazah perubahan di semua universiti awam untuk tahun ini berbanding 699 pada tahun lalu berdasarkan kepada cadangan MMC.

Noor Hisham menjelaskan, semua universiti perubahan yang diiktiraf oleh kerajaan diberi kelulusan mengikut kuota tertentu bagi proses pendaftaran atau kemasukan pelajar perubahan setiap tahun.

Malah katanya, kuota yang ditetapkan itu adalah berdasarkan pada kepupayaan pembelajaran selain mengambil kira nisbah pelajar dengan jumlah pensyarah.

“Untuk makluman, MMC juga mengambil kira aspek antara pelajar dengan nisbah katil untuk memastikan para pelajar mendapat pengajaran klinikal yang mencukupi,” kata beliau.

Menurutnya lagi, mengikut kuota bagi universiti perubahan awam, jumlah pengambilan pelajar adalah seramai 1,550 setiap tahun dan kesemua mereka akan diserapkan ke 11 universiti daripada 13 program perubahan.

Katanya, universiti berkenaan adalah Universiti Malaya (UM) seramai 180 pelajar; Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 200 pelajar; Universiti Sains Malaysia (USM) 300 pelajar; Universiti Putra Malaysia (UPM) 100 pelajar; Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) 120 pelajar; Universiti Islam Antarabangsa (UIA) 140 pelajar; Universiti Malaysia Sabah (UMS) 90 pelajar.

Selain itu, Universiti Teknologi Mara (UiTM) 230 pelajar; Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) 80 pelajar; Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) 60 pelajar dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) 50 pelajar.